



SIARAN MEDIA

KPKT TERIMA ANUGERAH PLATINUM BAGI PENGURUSAN ADUAN AWAM TAHUN 2025

PUTRAJAYA, 1 Oktober 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah **menerima Anugerah Penarafan Platinum Pengurusan Aduan** pada Majlis Apresiasi Penarafan Pengurusan Aduan Awam Kementerian Tahun 2025 anjuran Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri (BPA, JPM) yang berlangsung di Dewan Damar Sari 3, Kompleks F, Putrajaya semalam.

Majlis tersebut telah menyaksikan penyampaian anugerah kepada 28 kementerian oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri, Ketua Setiausaha Negara (KSN). **KPKT telah berjaya diberi Penarafan Platinum** bersama 21 lagi kementerian lain, manakala tujuh (7) kementerian lagi menerima Penarafan Emas.

Penarafan ini diberikan berdasarkan kriteria naziran termasuk tahap pemahaman, kesedaran dan pelaksanaan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2022 dalam Pengurusan aduan awam. Antara elemen utama yang dinilai ialah ketelusan, akauntabiliti serta kecekapan mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh kementerian.

Menurut Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, “Anugerah ini bukan sekadar penghargaan, tetapi amanah untuk kami di KPKT terus memperbaiki penyampaian perkhidmatan. Setiap aduan daripada rakyat adalah suara yang perlu diberi perhatian. Kejayaan ini adalah hasil kerja berpasukan seluruh warga KPKT dan akan menjadi pemangkin untuk kami melangkah lebih jauh.”

Pengiktirafan ini menjadi bukti komitmen berterusan KPKT dalam memastikan pengurusan aduan awam yang lebih efisien, mesra rakyat dan berorientasikan keberhasilan. Kementerian yakin bahawa pencapaian ini akan menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga KPKT untuk memperkukuh sistem penyampaian

perkhidmatan, selaras dengan aspirasi rakyat serta agenda reformasi perkhidmatan awam negara.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

